



كِرَاكِي نِجَارِي نِجَارِي قِيَدِي بِرَاكِي نِجَارِي

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami : PPNK.BN 100-12/1 Jld. 3

Tarikh : (31/01) Oktober 2025

SEPERTI EDARAN BERKELAT

YB Dato' Seri / S. S. Dato' Paduka / Y.A Dato. / Y.A. A. Dato' / YB Dato' / YB / YBhg.
Dato' / Tuan / Puan,

PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS BANTUAN KHAS KEWANGAN DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025 KEPADA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Kementerian Kewangan melalui surat MOF.TAX(S)700-3/1/809 Jld.2(19) bertarikh 14 April 2025 seperti dilampirkan telah memaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 bersetuju meluluskan pegecualian cukai ke atas **Bantuan Khas Kewangan dan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025** terhad sehingga **RM1,000.00 yang dibayar dalam tahun 2025 sahaja.**

3. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM2,000.00 dan bayaran BKK tersebut telah disempurnakan melalui dua bayaran iaitu RM1,000.00 pada bulan Mac 2025 dan RM1,000.00 pada bulan Jun 2025. Pembayaran BKK ini dibuat tanpa mengambilkira had kelulusan pengecualian memandangkan surat dari Kementerian Kewangan diterima selepas urusan bayaran Bantuan Khas Kewangan pada bulan Jun 2025 selesai diproses. Ini menyebabkan amaun bercukai tidak diambilkira dalam Potongan Cukai Berjadual (PCB) pegawai.

4. Sehubungan itu, semua bayaran BKK yang diterima dalam tahun 2025 melebihi daripada had RM1,000.00 yang ditetapkan tersebut adalah **tidak dikecualikan cukai** dan **pegawai yang berkaitan bertanggungjawab untuk melaporkan terimaan BKK** tersebut semasa melaksanakan e-Filing kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun taksiran 2025.

Ruj.Kami : PPNK.BN 100-12/1 Jld. 3 ()

Kerjasama pihak YB Dato' Seri / S. S. Dato' Paduka / Y.A Dato. / Y.A. A. Dato' / YB Dato' / YB / YBhg. Dato' / Tuan / Puan ke atas perkara ini didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"
"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, AMK., C.A (M), CPA (M))

Bendahari Negeri
Kedah Darul Aman

Tel: 04-7027724 / 7739

Emel: abdulmajid@kedah.gov.my

Experience
KEDAH